

Surat khabar: Utusan Borneo

Tarikh/Hari : 21/02/2012, Selasa

Muka surat: 7

UNIMAS pertama pasarkan produk COOP 1Malaysia

KOTA SAMARAHAN: Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) menjadi universiti pertama di negara ini memasarkan produk COOP 1Malaysia.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KP-DNKK) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, dengan penjualan produk itu, ia dapat meringankan kos sara hidup mahasiswa di situ.

“Saya ucapkan tahniah kepada UNIMAS kerana menjadi universiti pertama

yang menjual produk COOP 1Malaysia yang menawarkan harga 30 hingga 40 peratus lebih murah berbanding barang biasa,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas majlis pelancaran Gerakan Pengguna Siswa (GPS) dan perasmian Menu Rakyat 1Malaysia (MR1M) di dewan serba guna Student Pavillion, UNIMAS semalam.

Tambahnya, produk COOP 1Malaysia itu di negeri ini turut dijual pada harga yang sama di Semenanjung Ma-

laysia.

“Pelajar sekarang ini mempunyai alternatif untuk memilih membeli barang murah atau sebaliknya,” katanya.

Pada masa yang sama Ismail menjelaskan bahawa kos sara hidup yang semakin meningkat terutama yang ditanggung mahasiswa dapat dikurangkan dengan adanya produk COOP 1Malaysia itu.

“Kenaikan harga barang berlaku di luar kawalan kita (kerajaan) tapi banyak orang salahkan kerajaan kenapa

kerajaan tidak mampu mengawal harga barang.

“Saya jelaskan kenaikan berlaku di luar kawalan kerana kebanyakan barangan makanan kita diimport dari luar, ia bergantung kepada negara pengeluar jika mereka menaikkan harga barangan maka harga barangan di sini juga naik.

“Jadi menerusi produk COOP 1Malaysia, ia sedikit sebanyak membantu meringankan beban rakyat termasuk para pelajar di IPT di negara ini,” ujarinya.